Keupayaan Kanak-Kanak Prasekolah Menguasai Ayat Bahasa Melayu

Abdul Rasid Jamian
Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia.

Abstrak

Bahasa merupakan wadah untuk menyampaikan mesej kepada individu lain untuk difahami dan mempunyai makna. Kanak-kanak berumur antara 1 hingga 5 tahun merupakan tahap penguasaan bahasa yang paling kritikal. Sehubungan itu, kajian ini dapat memberikan maklumat sebenar tentang penguasaan ayat kanak-kanak prasekolah. Persampelan kajian ini seramai 48 kanak-kanak, iaitu 25 kanak-kanak di bandar dan 23 kanak-kanak di luar bandar di daerah Ampang, Selangor dan jenis ayat yang dikaji ialah ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan dan ayat perintah. Tinjauan perbualan dan transkripsi digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan data bentuk ujaran ayat kanak-kanak prasekolah. Sehubungan itu, hasil kajian menunjukkan Min Panjang Ujaran atau MLU (Brown, 1973), ayat yang dihasilkan oleh kanak-kanak di bandar ialah ayat penyata (4.85 perkataan), ayat tanya (4.41 perkataan), ayat seruan (4.19 perkataan) dan ayat perintah (4.18 perkataan). Manakala kanak-kanak di luar bandar pula ialah ayat seruan (4.72 perkataan), ayat penyata (4.40 perkataan), ayat perintah (4.29 perkataan) dan ayat tanya (4.19 perkataan). Penghasilan binaan ayat pula, dapatan menunjukkan kebanyakan kanak-kanak prasekolah dalam kajian ini, menghasilkan ayat jenis penyata dan ayat seruan. Secara keseluruhan penguasaan sintaksis kanak-kanak prasekolah merangkumi pelbagai jenis pola ayat dasar. Kesimpulannya, didapati lokasi tempat tinggal, dan pendedahan serta rangsangan merupakan agen yang mempengaruhi keupayaan kanak-kanak prasekolah menguasai ayat bahasa Melayu.

Abstract

Language is a means to convey messages to other individuals so that they can comprehend and understand the meaning. Children aging 1 to 5 years old are at the critical stage of language mastery. This research offers information on the mastery of syntax among the preschool children. It involved 48 children, 25 from the urban areas and 23 from the rural areas of Ampang District in Selangor, and the types of sentences researched were statements, questions, exclamations and imperatives. A conversation survey and transcriptions were used in this research for data collection of the preschool children's utterances. The outcomes of the research Mean Length of Utterance or MLU (Brown, 1973) showed sentences produced by the children from the urban areas were statements (4.85 words), questions (4.41 words), exclamations (4.19 words) and imperatives (4.18 words). On the other hand, for children from the rural areas were exclamations (4.72 words), statements (4.40 words), imperatives (4.29 words) and questions (4.19 words). For sentence constructions, findings showed that most pre-school children in this research, produced statements and exclamation type of sentences. As a whole, the pre school children's syntax consists of various sentence structure. Conclusively, the ability of the pre-school children to master the Malay language are influenced by the location of their home, the exposure and stimulation that are involved.

Pengenalan

Bahasa merupakan satu sistem yang unik dan melibatkan proses kognitif. Bahasa juga merupakan wadah untuk menyampaikan mesej kepada individu lain yang difahami dan mempunyai makna. Dalam usaha menguasai dan memperkasakan bahasa Melayu, kita harus melihatnya dari peringkat awal lagi, iaitu dari peringkat perkembangan dan pemerolehan bahasa itu sendiri. Penguasaan ayat hanya bermula apabila kanak-kanak berupaya menggabungkan dua kata atau lebih. Dengan kata lain, peringkat satu kata atau yang sering disebut sebagai peringkat holo frasa tidak dianggap sebagai titik permulaan pemerolehan ayat.

Dalam jangka masa kritikal ini, kanak-kanak sangat mudah menerima pengaruh bahasa pertama atau bahasa ibunda yang didedahkan kepadanya, iaitu bahasa yang diamalkan atau yang didedahkan kepada kanak-kanak sejak mereka dilahirkan. Bahasa Melayu merupakan bahasa pertama kepada orang Melayu manakala bahasa Cina ialah bahasa pertama kepada orang Cina dan sebagainya. Hal yang demikian bermakna bahasa pertama pada dasarnya dapat dikuasai oleh seseorang tanpa melalui proses pembelajaran secara formal.

Kanak-kanak akan terus belajar bahasa pertama walaupun berada di alam persekolahan, iaitu di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Namun begitu dari segi keterampilan berbahasa, kanak-kanak akan belajar bahasa pertama terus-menerus sepanjang hayatnya. Justeru itu, pemerolehan bahasa pertama dianggap bahasa yang paling mantap dari segi pengetahuan dan penggunaannya.

Menurut Mangantar Simanjuntak (1987), bahasa sebagai satu sistem biologi yang wujud dalam sistem kognitif manusia dan pemerolehan bahasa ialah proses-proses yang berlaku di dalam otak seseorang kanak-kanak sewaktu memperoleh bahasa ibundanya. Proses ini terdiri daripada dua jenis. Pertama ialah perlakuan (*performance*) yang terdiri daripada proses-proses pemahaman dan proses-proses pemerhatian dan kedua ialah kecekapan (*competence*).

Perlakuan merujuk kepada aktiviti-aktiviti seperti mengamati, memahami dan seterusnya menerbitkan ayat yang telah didedahkan kepada seseorang. Aktiviti-aktiviti ini akan membentuk kebolehan linguistik dalam kalangan kanak-kanak tersebut. Aktiviti-aktiviti ini akan membentuk kebolehan linguistik dalam kalangan kanak-kanak tersebut.

Menurut Mangantar Simanjuntak lagi (1987), kecekapan pula bermaksud pengetahuan tatabahasa yang dikuasai secara tidak sedar yang mungkin berlaku pada masa seseorang itu mengamati atau memahami bahasa yang didedahkan kepadanya. Hal ini bermakna pemerolehan bahasa ialah proses penemuan tatabahasa ibunda bagi seseorang kanak-kanak.

Dalam proses pemerolehan bahasa pertama, seseorang kanak-kanak itu akan belajar semua konsep yang diperlukan untuk berkomunikasi bersama ibu bapa, rakan-rakan dan ahli masyarakat sekelilingnya. Bahasa pertama menjadi salah satu alat untuk mengungkapkan perasaan, keinginan, pendirian dan pendapat, iaitu dalam bentuk-bentuk bahasa yang dianggap wajar. Kanak-kanak ini juga belajar bahawa ada bentuk-bentuk bahasa yang tidak dapat diterima oleh anggota masyarakatnya dan tidak selalu boleh mengungkapkan perasaan dengan sewenang-wenangnya.

Situasi ini disokong oleh Juriah Long (1993), yang mengatakan bahawa keupayaan berbahasa merupakan salah satu aspek yang amat penting dalam perkembangan kanak-kanak. Melalui pertuturan, kanak-kanak boleh meluahkan perasaan dan pendapat mereka kepada orang lain tanpa batasan. Proses pendidikan secara tidak formal ini lebih berkesan terutamanya kepada kanak-kanak di peringkat prasekolah. Walaupun sebahagian besar masa digunakan untuk bermain namun pemilihan permainan mampu mendorong mereka untuk berinteraksi, berfikir, merangsang naluri ingin tahu, memupuk daya kreativiti, dan berdisiplin.

Kesimpulannya jelas menunjukkan bahawa masalah penguasaan ayat dalam kalangan kanak-kanak prasekolah dalam bahasa Melayu sememangnya mempunyai hubungan langsung dengan tahap pemerolehan bahasa kanak-kanak itu sendiri. Ada berbagai-bagai pendapat yang berkaitan dengan proses pemerolehan bahasa kanak-kanak. Sesetengah golongan cenderung mengatakan bahawa kanak-kanak boleh berbahasa menerusi rangsangan dan gerak balas,manakala yang lain pula berpendapat pemerolehan bahasa kanak-kanak bersifat nurani atau semula jadi.

Pendidikan Prasekolah

Pendidikan prasekolah merupakan pengalaman awal yang penting dalam dunia persekolahan kanak-kanak. Pengalaman prasekolah dan pembelajaran yang berkesan, bermakna dan menggembirakan dapat membekalkan mereka dengan kemahiran, keyakinan diri dan sikap yang positif sebagai persediaan untuk memasuki alam persekolahan formal dan pendidikan sepanjang hayat.

Peluang pendidikan prasekolah diberi kepada semua kanak-kanak tanpa mengira latar belakang sosial, agama, lokasi tempat tinggal, keadaan kesihatan mental dan fizikal serta perkembangan intelek mereka. Program pendidikan prasekolah perlu sesuai dengan tahap perkembangan keseluruhan kanak-kanak itu supaya dapat merangsang pemikiran, membina sikap positif, akhlak yang mulia, meningkatkan kecergasan dan kesihatan ke arah penyuburan potensi yang optimum. Oleh itu, kurikulum pendidikan prasekolah memberi fokus kepada perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang fleksibel dalam suasana pembelajaran yang selesa, selamat dan ceria, dapat menggalakkan naluri ingin tahu, suka meneroka dan menjelajah serta memberi pengalaman baharu kepada kanak-kanak (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Penyuburan asas yang dibina dalam diri kanak-kanak ini akan menyumbangkan kepada kesejahteraan diri mereka sendiri, kemajuan keluarga, masyarakat, bangsa dan negara. Sehubungan itu, perancangan dan penggubalan Kurikulum Pendidikan Prasekolah berlandaskan prinsip Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mendorong matlamat dan wawasan negara. Perancangan dan penggubalan kurikulum juga mengambil kira pelbagai aspek yang perlu dibentuk dalam diri kanak-kanak. Pandangan dan falsafah serta teori pendidikan awal kanak-kanak, psikologi dan perkembangan kanak-kanak serta aliran pembelajaran terkini merupakan keperluan kanak-kanak pada masa kini.

Objektif utama pendidikan prasekolah adalah untuk menyuburkan potensi kanak-kanak dalam semua aspek perkembangan diri, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan masuk ke sekolah rendah. JIka dilihat objektif yang digubal menunjukkan komponen komunikasi adalah amat dititikberatkan dalam memenuhi keperluan kanak-kanak prasekolah. Potensi diri dan keupayaan kanak-kanak ini akan diperkembangkan dengan cara kesepaduan dan keselarasan dalam pelbagai aspek, iaitu

aspek kognitif, kerohanian dan moral, fizikal dan psikomotor, sosioemosi dan kreativiti kanak-kanak tersebut (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Masalah komunikasi lisan kanak-kanak dengan perkembangan bahasa dan cara bersosial adalah ketara. Pendidikan sering kali dapat melihat bahawa perbezaan personaliti kanak-kanak selalunya dipengaruhi oleh keupayaan mereka berkomunikasi. Oleh itu, cara kanak-kanak berkomunikasi harus diberi perhatian yang serius selari dengan perkembangan bahasa seseorang kanak-kanak itu.

Perubahan sistem pendidikan dan kehendak masyarakat kini menyebabkan guru-guru lebih memberi perhatian kepada kanak-kanak yang mampu berfikir, bertutur dengan baik dan cerdas. Berdasarkan huraian di atas, jelas terdapat beberapa perkara yang menyebabkan perlunya kajian yang lebih meluas tentang perkembangan bahasa kanak-kanak prasekolah khususnya dalam aspek ayat dilakukan.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti keupayaan kanak-kanak prasekolah yang tinggal di bandar dan di luar bandar menguasai ayat bahasa Melayu

Secara khusus objektif kajian ini adalah seperti yang berikut;

i. mengenal pasti jenis-jenis ayat bahasa Melayu yang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah di bandar dan di luar bandar;
ii. menganalisis Min Panjang Ujaran ayat bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah di bandar dan di luar bandar; dan
iii. mengenal pasti binaan pola-pola ayat bahasa Melayu yang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah di bandar dan di luar bandar.

Persoalan Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk mencari jawapan kepada beberapa persoalan kajian yang berikut, iaitu

i. apakah jenis ayat bahasa Melayu yang paling kerap dihasilkan oleh kanak-kanak prasekolah di bandar dan di luar bandar semasa berkomunikasi?

ii. sejauh manakah Min Panjang Ujaran ayat bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah di bandar dan di luar bandar?

iii. sejauh manakah binaan pola ayat bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah di bandar dan di luar bandar?

Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengkaji keupayaan penguasaan ayat bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Kajian ini melibatkan kanak-kanak prasekolah di daerah Ampang, Selangor. Kanak-kanak ini berumur antara 5 hingga 6 tahun, iaitu 25 kanak-kanak prasekolah di bandar dan 23 kanak-kanak prasekolah di luar bandar.

Responden dalam kajian ini terdiri daripada kanak-kanak prasekolah yang mempunyai pelbagai latar belakang sosioekonomi, persekitaran, dan juga latar belakang keluarga. Oleh itu, dapatan kajian ini hanya boleh digeneralisasikan kepada kumpulan yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan persampelan. Selain itu, kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif dan kuantitatif deskriptif. Walaupun kajian ini menggunakan bilangan sampel yang kecil, tetapi dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai petunjuk tentang penguasaan sintaksis bahasa Melayu dari aspek jenis-jenis ayat dasar bahasa Melayu, iaitu ayat penyata, ayat perintah, ayat tanya, dan ayat seruan serta kekerapan penghasilan ayat dalam kalangan kanak-kanak prasekolah di Malaysia secara umum.

Memandangkan keseluruhan kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang penguasaan ayat bahasa Melayu kanak-kanak, maka kajian yang dijalankan mengikut situasi interaksi tanpa campur tangan daripada pengkaji. Kaedah pemerhatian dan kaedah analisis kandungan yang dijalankan berbentuk jangka masa yang pendek dan bukannya mengambil masa yang panjang.

Metodologi Kajian

Pengkaji mendapatkan maklumat tentang keupayaan penguasaan ayat bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah melalui reka bentuk kajian yang digunakan ialah;

a. secara tinjauan; dan

b. secara temu bual.

Kajian ini merupakan satu tinjauan yang menggunakan soal selidik dan temu bual dengan menggunakan gambar sebagai alat rangsangan. Mengikut Tuckman (1972), kaedah tinjauan merupakan kaedah yang sering dilakukan dalam penyelidikan khususnya dalam kajian-kajian di sekolah. Manakala menurut Mohd Majid Konting (2005), kaedah penyelidikan merujuk kepada bagaimana kita mendapatkan maklumat bagi mencapai sesuatu matlamat penyelidikan dengan menggunakan cara yang paling berkesan bagi mendapatlan maklumat yang berguna dengan kos yang minimum.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Data kualitatif meliputi penghuraian tentang penguasaan ayat bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah di bandar dan di luar bandar. Manakala data kuantitatif pula, kajian ini menggunakan pengiraan berdasarkan taburan frekuensi dan Min Panjang Ujaran (MPU) atau *Mean Length of Utterence (MLU)* oleh Brown (1973). MPU membahagikan jumlah bilangan morfem dengan bilangan ujaran. MPU digunakan untuk menganalisis ayat-ayat sebagai kaedah bagi menentukan perkembangan ayat yang terdapat dalam penaksiran MPU Brown (1973).

Penguasaan Jenis-Jenis Ayat Kanak-Kanak Prasekolah

Daripada kajian yang telah dijalankan didapati penghasilan jenis-jenis ayat bahasa Melayu berbeza mengikut lokasi tempat tinggal dan juga tahap sosioekonomi keluarga kanak-kanak prasekolah yang dikaji.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan dua keping gambar dan meminta kanak-kanak secara berpasangan bercerita dan berinteraksi apa sahaja tentang gambar yang diberikan, sambil itu pengkaji juga meminta mereka melakukan aktiviti mewarna untuk gambar yang sama. Aktiviti mewarna ini adalah untuk membolehkan mereka melakukan sesuatu aktiviti sambil bercerita. Masa yang diperuntukkan selama lebih kurang 40 minit bagi setiap pasangan.

Pada peringkat ini, kanak-kanak menggunakan bahasa secara spontan untuk bercerita dan membincangkan perkara yang ada dalam pengalaman mereka. Berdasarkan kajian yang dijalankan, didapati keupayaan mengujarkan jenis ayat bahasa Melayu berbeza antara satu aktiviti dengan aktiviti yang lain. Kanak-kanak prasekolah berkebolehan

menghasilkan pelbagai jenis ayat apabila aktiviti yang dilakukan itu menarik dan mencabar perasaan ingin tahu mereka.

Aktiviti mewarna merupakan antara aktiviti yang digemari oleh kanak-kanak prasekolah. Aktiviti ini memerlukan kanak-kanak memberikan penumpuan penuh terhadap apa yang dilakukan. Namun begitu, dalam aktiviti mewarna, sebahagian besar mereka lebih suka melahirkan sesuatu berdasarkan apa yang mereka lihat atau amati melalui pancaindera dan bertanya tentang sesuatu perkara berbanding dengan hanya melihat gambar sahaja.

Daripada kajian yang dijalankan secara rakaman dan penghasilan ayat berdasarkan tempat tinggal, dapatan menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah di bandar dapat menghasilkan sebanyak 467 ayat, manakala kanak-kanak prasekolah di luar bandar sebanyak 330 ayat.

Dapatan transkripsi menunjukkan kepelbagaian jenis ayat yang dihasilkan oleh kanak-kanak prasekolah, iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan, dan ayat perintah. Berdasarkan Jadual 1, dapatan menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah di bandar berjaya menghasilkan ayat penyata (51.2%), ayat tanya (30.4%), ayat seruan (9.4%), dan ayat perintah (9.0%). Manakala kanak-kanak prasekolah di luar bandar, menghasilkan ayat penyata (57.5%), ayat tanya (19.1%), ayat seruan (15.2%) dan ayat perintah (8.2%).

Jadual 1: Jenis Ayat Dengan Lokasi Tempat Tinggal Kanak-Kanak

Jenis Ayat	Bandar		Luar Bandar	
	N	%	n	%
Ayat Penyata	239	51.2	190	57.5
Ayat Tanya	142	30.4	63	19.1
Ayat Seruan	44	9.4	50	15.2
Ayat Perintah	42	9.0	27	8.2
Jumlah	467	100	330	100

Daripada kajian yang dijalankan, didapati aktiviti melihat gambar sambil mewarna merupakan aktiviti yang paling banyak mencetuskan ayat-ayat jenis penyata daripada kanak-kanak prasekolah dan kemudian disusuli dengan ayat tanya. Manakala ayat seruan dan ayat perintah dihasilkan sebagai satu proses tindak balas terhadap apa yang mereka alami dan apa yang mereka saksikan. Kedua-dua jenis ayat ini dilahirkan secara spontan.

Kecenderungan kanak-kanak menghasilkan ayat penyata dan diikuti ayat tanya menunjukkan tahap penguasaan bahasa yang selari dengan peringkat usia dan perkembangan diri kanak-kanak yang berusia 5 tahun ke atas. Pada peringkat ini kanak-kanak menggunakan bahasa untuk bercerita dan berbincang perkara yang ada dalam pengalaman mereka. Pada masa yang sama, kanak-kanak pada peringkat ini amat suka bertanyakan tentang sesuatu yang ada di sekitar pengalaman bahasa mereka.

Min Panjang Ujaran Ayat Bahasa Melayu Kanak-Kanak Prasekolah

Berdasarkan ayat-ayat yang dihasilkan oleh kanak-kanak prasekolah, pengkaji telah membuat analisis ayat berdasarkan Min Panjang Ujaran (MPU) bagi setiap jenis ayat dengan tempat tinggal kanak-kanak tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah di bandar, MPU ayat penyata (4.85), ayat tanya (4.41), ayat perintah (4.19) dan ayat seruan (4.18), (lihat Jadual 2). Berdasarkan Jadual Peringkat Perkembangan Brown (1973), menunjukkan bahawa ayat penyata (4.85) berada di peringkat *post V* (MPU 4.5+). Manakala jenis-jenis ayat yang lain berada di peringkat V (MPU 3.75 – 4.5)

Jadual 2: Min Panjang Ujaran Jenis-Jenis Ayat Kanak-Kanak Prasekolah Di Bandar

Jenis Ayat	Min Panjang Ujaran
Ayat Penyata	4.85
Ayat Tanya	4.41

Ayat Perintah	4.19
Ayat Seruan	4.18

Manakala ujaran ayat-ayat kanak-kanak prasekolah di luar bandar, dapatan MPU menunjukkan ayat seruan (4.72), ayat penyata (4.40), ayat perintah (4.29) dan ayat tanya (4.19), (lihat Jadual 3). Sehubungan dengan itu, berdasarkan Jadual Peringkat Perkembangan Brown (1973), menunjukkan bahawa ayat seruan (4.72) berada di peringkat *post V* (MPU 4.5+). Manakala jenis-jenis ayat yang lain di peringkat V (MPU 3.75 – 4.5)

Jadual 3: Min Panjang Ujaran Jenis-Jenis Ayat Kanak-Kanak Prasekolah Di Luar Bandar

Jenis Ayat	Min Panjang Ujaran
Ayat Seruan	4.72
Ayat Penyata	4.40
Ayat Perintah	4.29
Ayat Tanya	4.19

Dengan jelas dapatan menunjukkan terdapat perbezaan MPU ayat perintah antara kanak-kanak prasekolah di bandar dengan di luar bandar tidak begitu ketara, iaitu (4.19:4.29), kecuali ayat penyata (4.85:4.40), ayat tanya (4.41:4.19) dan ayat seruan (4.18:4.72) terdapat sedikit perbezaan yang agak ketara. Ini jelas menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah di luar Bandar, iaitu MPU ayat seruan (4.72) lebih jauh perbezaannya dengan kanak-kanak prasekolah di bandar (4.18).

Pola Ayat Kanak-Kanak Prasekolah

Binaan ayat ditentukan oleh cara dan susunan unsur dan konstituen yang dibentuk. Menurut Nik Safiah Karim dan rakan-rakan (2005), ayat dasar ialah ayat yang menjadi dasar atau sumber bagi pembentukan semua ayat lain. Dalam bahasa Melayu, pola ayat dasar boleh dibahagikan kepada empat jenis dengan berpandukan jenis-jenis unsur yang hadir sebagai konstituen ayat-ayat, iaitu subjek dan predikatnya. Konstituen subjek pada umumnya diisi oleh frasa nama, sementara konstituen predikat pula diisi oleh empat jenis unsur yang berbeza, iaitu frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama.

Pola Ayat Dasar

Daripada kajian yang dijalankan, didapati kanak-kanak prasekolah berkebolehan menghasilkan ayat dasar, iaitu kanak-kanak prasekolah di bandar dapat menghasilkan sebanyak 422 (90.36%). Manakala kanak-kanak prasekolah di luar bandar dapat menghasilkan 309 (93.63%) ayat dasar. Daripada sejumlah ayat kanak-kanak prasekolah ini, pengkaji telah mengelaskan mengikut empat pola ayat dasar yang terdapat dalam bahasa Melayu. Beberapa contoh ayat dasar yang dihasilkan oleh kanak-kanak prasekolah adalah seperti berikut:

i. Pola ayat dasar: Frasa Nama + Frasa Nama

(Kanak-kanak Prasekolah Bandar)

1. *Nama kucing aku Tompok.*
2. *Kat rumah aku banyak kucing hitam.*
3. *Dia macam wau aje.*

(Kanak-kanak Prasekolah Luar Bandar)

1. *Ini wau*
2. *Itu pokok tebulah.*
3. *Itu kucing.*

ii. Pola ayat dasar: Frasa Nama + Frasa Kerja

(Kanak-kanak Prasekolah Bandar)

1. *Kucing mana boleh berenang.*
2. *Dia nak warna cantik-cantik.*
3. *Siti main layang-layang.*

(Kanak-kanak Prasekolah Luar Bandar)

1. *Kucing minum.*
2. *Dia pakai kain saja.*
3. *Aku nak beli layang-layang.*

iii. Pola ayat dasar: Frasa Nama + Frasa Adjektif

(Kanak-kanak Prasekolah Bandar)

1. *Kalau kucing cantik lagi baguskan.*
2. *Yelah memang pokok warna hijau pun*
3. *Layang-layang kau tu buruk.*

(Kanak-kanak Prasekolah Luar Bandar)

1. *Layang-layang ni besarlah*
2. *Pagar dia cantiknya*
3. *Rumput panjang sangat.*
4.

iv. Pola ayat dasar: Frasa Nama + Frasa Sendi nama

(Kanak-kanak Prasekolah Bandar)

1. *Kampung awak dekat mana?*
2. *Main kat rumah lagi bagus*
3. *Dia dukung kat belakang bawak beg.*

(Kanak-kanak Prasekolah Luar Bandar)

1. *Dia buat daripada apa*
2. *Bagi kat kucing makanan*
3. *Kucing boleh dekat air*.

Berdasarkan pola-pola ayat yang dihasilkan oleh kanak-kanak prasekolah dapat dikatakan bahawa kanak-kanak berupaya menguasai ayat bahasa Melayu berdasarkan hubungan makna dengan konteks situasi yang tertentu. Jika dilihat dari segi pola ayat frasa nama dan frasa sendi nama, jelas menunjukkan bahawa kanak-kanak tidak menguasai sendi nama yang tepat. Ini dapat dilihat dengan penggunaan perkataan *kat* dan *dekat* untuk penggunaan sebenarnya ialah *di*. Namun begitu kanak-kanak masih berupaya menghasilkan ayat-ayat yang berstruktur dan bermakna.

Kesimpulan

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam proses penguasaan ayat kanak-kanak. Ibu bapa merupakan orang yang paling akrab dengan kanak-kanak, maka pengaruh mereka terhadap anak-anak tentulah mendalam. Menurut Mangantar Simanjuntak (1982), ibu bapa merupakan satu pragmatik kepada anak-anak mereka. Yang dimaksudkan dengan pragmatik ialah persekitaran atau konteks ucapan yang diterbitkan dalam sesuatu kegiatan komunikasi. Tanpa pragmatik yang cukup, tidak mungkin sesuatu erti diperoleh oleh anak-anak. Oleh itu, ibu bapa hendaklah menggunakan bahasa yang baik apabila berkomunikasi dengan anak-anak mereka. Sehubungan itu, ibu bapa memainkan peranan penting dalam meningkatkan penguasaan bahasa kanak-kanak. Kesediaan mereka membeli buku-buku, bercerita, menyediakan persekitaran bahasa yang sihat dan memberi pendedahan dan rangsangan turut membantu meningkatkan penguasaan sintaksis dalam kalangan kanak-kanak.Kesedaran ibu bapa terhadap pentingnya pendidikan sekular menyebabkan ramai ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke kelas-kelas tabika atau tadika yang disediakan oleh pihak KEMAS atau agensi swasta sebagai persediaan menghadapi alam persekolahan pada tahun berikutnya. Walau bagaimanapun faktor tempat tinggal dan faktor budaya didapati mempengaruhi penguasaan ayat kebanyakan kanak-kanak. Melalui pergaulan, kanak-kanak itu banyak memperoleh dorongan untuk berbahasa dan bersedia pula bekerjasama untuk menjayakan komunikasi tersebut.

RUJUKAN

Brown, R. (1973). *A first language. The early stages*. London: Allens and Unwin.

Juriah Long. (1993). *Pemerolehan imbuhan pada peringkat prasekolah dan implikasinya terhadap pendidikan bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2002). *Kurikulum prasekolah kebangsaan*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Mangantar Simanjuntak. (1982). *Aspek bahasa dan pengajaran*. Kuala Lumpur: Saujana Enterprise.

Mangantar Simanjuntak. (1987). *Pengantar psikolinguistik moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Safiah Karim et. al (2005). *Tatabahasa dewan.*Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.S

Tuckman, B.W. (1972). *Conducting educational research*. New York: Harcourt Brace Jovanovich.